



🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Cemerlang secara holistik, bukan hanya akademik

Senarai Berita (/berita)

## Cemerlang secara holistik, bukan hanya akademik

Oleh: Azman Zakaria



SERDANG, 8 Jan : Graduan perlu cemerlang secara holistik dan seimbang dalam segenap aspek, dan bukan semata-mata cemerlang dalam akademik sahaja, kata Pro-Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim.

Katanya, graduan yang mempunyai ilmu, akhlak, tingkah laku, set minda dan adab, amat penting ke arah melahirkan insan yang luhur dan bermaruah.

Beliau berkata, ia bertepatan dengan konsep Ihsan sebagai tonggak kecemerlangan UPM, yang menekankan soal kualiti, kesempurnaan dan kecemerlangan.

"Saya percaya, jika universiti ini dapat melahirkan graduan sebagai insan, dan bukan berpaksikan modal insan semata-mata, inilah sumbangan terbesar UPM kepada usaha mentransformasi negara," katanya ketika berucap pada Sesi 1, Majlis Konvokesyen ke-44 UPM di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM di sini, hari ini.



Beliau menyampaikan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), Sarjana (master), Bachelar dan Diploma kepada 945 graduan pada Sesi 1 itu.

Beliau juga berkata, graduan perlu menjadikan kejayaan mereka pada hari ini sebagai landasan untuk memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan masyarakat dan pembinaan peradaban manusia yang lebih berkualiti, berintegriti dan bersinergi dengan alam persekitaran.

Katanya, mereka perlu meneruskan usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri kerana mendapat pekerjaan bukannya bermakna proses pembelajaran terhenti.

### LIHAT JUGA



Future Biologist Caliphs dedah pelajar hubungkait ilmu Biologi dan ilmu Islam (/future\_biologist\_caliphs\_dedah\_pelajar\_hubungkait\_ilmu\_biologi\_dan\_ilmu\_islam-65320)



Timbalan Menteri KBS rasmi Karnival Rekreasi Luar Kebangsaan Malaysia Outdoor Recreation Carnival (MOREC) 2021 (/timbangan\_menteri\_kbs\_rasmi\_karnival\_rekreasi\_luar\_kebangsaan\_malaysia\_outdoor\_recreation\_carnival\_morec\_2021-65197)



UPM-TNB-GSPARX Sdn. Bhd jalin kerjasama bagi projek Rooftop Solar Photovoltaic (/upm\_tnb\_gsparx\_sdn\_bhd\_jalin\_kerjasama\_bagi\_projek\_rooftop\_solar\_photovoltaic-65196)



Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
☎ +603-9769 1000  
✉ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)



Entiti Kami



Dokumen



Berita

Newsletter



Tetapan



Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin juga berharap graduan tidak melupakan pengorbanan ibu bapa dan keluarga yang menjadi tonggak kejayaan mereka.

"Tanpa mereka, siapalah kita. Saya percaya, kejayaan pada hari ini boleh menjadi pelangin kepada para graduan untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara," katanya.

Beliau juga berkata, UPM dengan tagline - Pertanian, Inovasi, Kehidupan – akan terus bergerak secara aktif untuk mentransformasikan masyarakat melalui aktiviti pemindahan ilmu yang berteraskan penyelesaian masalah setempat dan keperluan kehidupan ahli komuniti.

Katanya, agenda memasyarakatkan universiti atau memperkasakan masyarakat melalui pelbagai sumbangan oleh warga universiti akan terus menjadi agenda penting pada masa hadapan.

"UPM berharap melalui transformasi akademik ini, kita mampu untuk melahirkan graduan yang memiliki ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk menyayakan matlamat UPM melahirkan graduan yang berkualiti serta berdaya saing," katanya. – UPM

Tarikh Input: 08/01/2022 | Kemaskini: 08/01/2022 | hairul\_nizam

#### PERKONGSIAN MEDIA

(<https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F>

[2Fwww.upm.edu.my/2Fberita/2Fcemerlang\\_secara\\_holistik\\_bukan\\_hanya\\_akademik-64841&title=Cemerlang%20Secara%20Holistik%2C%20Bukan%20Hanya%20Akademik%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.upm.edu.my/2Fberita/2Fcemerlang_secara_holistik_bukan_hanya_akademik-64841&title=Cemerlang%20Secara%20Holistik%2C%20Bukan%20Hanya%20Akademik%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia))

(/facebook) (/twitter) (/linkedin) (/email) (/copy\_link)

(/wordpress) (/print)

#### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

+603-9769 1000

---

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN  
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24  
JAM)  
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |  
03-9769 1999

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara  
(<http://bursul.upm.edu.my/spln/>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)  
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

KM Portal ([http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/?renderaction\[method\]=home](http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/?renderaction[method]=home))

Jawatan Kosong (<http://sjp.upm.edu.my/>)

Sistem Baik Pulih ICT  
(<http://zonic.upm.edu.my/>)

Putra Learning Hub  
(<http://learninghub.upm.edu.my/>)

Sistem Pengurusan Penubatan  
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)

Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

i-GIMS (staf)  
(<http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/index.jsp>)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah)  
(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia  
(<https://www.moe.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my/>)

Multimedia Super Corridor (<https://mdcc.mycorridor.com/>)

Portal myGovernment  
(<https://www.malaysia.gov.my/>)

Agensi Kelayakan Malaysia  
(<https://www.mqa.gov.my/>)

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web  
(<http://www.upm.edu.my/statistik>)

Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)

Laporan Piagam Pelanggan ([http://www.upm.edu.my/mengenal\\_kami/maklumat\\_korporat/piagam\\_pelanggan-8202](http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202))

Dasar UPM ([http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal\\_kami/dasar\\_universiti-5601](http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601))


Sistem Pengurusan ISO ([http://reg.upm.edu.my/spk\\_upm/](http://reg.upm.edu.my/spk_upm/))

Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)

Penerbitan UPM ([http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan\\_UPM-29859](http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859))

Takwim UPM 2021 ([https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM\\_UPM\\_2021\\_20.1.2021.pdf](https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf))

UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)



Dasar Privasi ([footnote/dasar\\_privasi-29949](http://footnote/dasar_privasi-29949)) Hakcipta ([footnote/hakcipta-29950](http://footnote/hakcipta-29950)) RSS (/rss) Penafian ([footnote/penafian-29938](http://footnote/penafian-29938))  
Bantuan ([footnote/bantuan-29937](http://footnote/bantuan-29937)) UPM online ([footnote/upm\\_online-38695](http://footnote/upm_online-38695)) Dasar Keselamatan ([footnote/dasar\\_keselamatan-29939](http://footnote/dasar_keselamatan-29939))

LANGGAN MELALUI EMAIL

Emel anda

HANTAR

© 2022 Universiti Putra Malaysia

